

16 mangsa banjir dibenar pulang

Kampung Gajah: Seramai 16 mangsa banjir dari Kampung Alor Kuat, Bota Kiri di sini, yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara di rumah pondok berhampiran kampung itu dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, pagi semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seri Iskandar, Zaiful Efendi Ahmad, berkata mereka dipindahkan ke pusat pemindahan sementara malam kelmarin berikutan banjir kilat melanda beberapa kampung di Kampung Gajah dan Bota.

“Banjir kilat melanda di sekitar Kampung Gajah iaitu Kampung Pulau Tiga Kiri, Kampung Pasir Kubu, Kampung Pasir Putih dan Kampung Teluk Bakong di Bota.

“Banjir berlaku akibat limpahan air dari Sungai Perak. Air di Kampung Alor Kuat naik sedalam 0.9 meter, bagaimanapun air surut pagi tadi (semalam),” katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, penduduk Kampung Teluk Bakong, Mazuria Mat, 43, berkata setiap kali hujan lebat rumahnya akan dinaiki air.